

D365

B B252 AAB
MAHATHIR - KEM R R R R R R

KUALA LUMPUR, 26 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN BAHAWA TIDAK WUJUD DUA KEM DALAM UMNO SEBAGAIMANA YANG DIHEBOH-HEBOHKAN TETAPI YANG ADA CUMA SATU KEM UMNO.

SEMASA KEMPEN PEMILIHAN PARTI YANG BARU SELESAI, YANG ADA IALAH DUA KUMPULAN TETAPI ADA JUGA YANG TIDAK MENYEBELAHI MANA-MANA PASUKAN, KATANYA PADA SIDANG AKHBAR SELEPAS PENUTUPAN PERSIDANGAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-38 UMNO DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

YANG MENGIRINGI PRESIDEN UMNO DAN PERDANA MENTERI PADA SIDANG AKHBAR ITU IALAH TIMBALAN PRESIDEN DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA DAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SERI SANUSI JUNID, YANG JUGA MENTERI PERTANIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ADALAH PERKARA BIASA TERDAPAT PERBEZAAN PENDAPAT ANTARA MEREKA YANG MEREBut JAWATAN TETAPI IA TIDAK MENJEJAS PERPADUAN PARTI.

DITANYA SAMA ADA UMNO AKAN BERTAMBAH KUAT ATAU MENJADI LEMAH SELEPAS PEMILIHAN ITU, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA YANG SUDAH PASTI UMNO KINI LEBIH BERPENGALAMAN TETAPI TIDAK PASTI SAMA ADA PARTI AKAN BERTAMBAH KUAT ATAU SEMAKIN LEMAH PADA MASA HADAPAN. -- LAGI.
1949MST 26 04 87

B B259 AAB
MAHATHIR-KEM 2 KUALA LUMPUR

DIMINTA MENGULAS KEMENANGAN TIPISNYA, PERDANA MENTERI BERKATA IA MENUNJUKKAN BAHAWA PARA PERWAKILAN UMNO BERKEUPAYAAN BERFIKIR SENDIRI DAN MEMBUAT KEPUTUSAN SENDIRI. +IA (KEMENANGAN TIPIS) JUGA SATU KEBETULAN.+

DITANYA SAMA ADA DASAR-DASAR KERAJAAN AKAN DIROMBAK BERIKUTAN KEMENANGAN TIPIS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEMENANGAN TIPIS ITU ADALAH PROSES PEMILIHAN OLEH PARA PERWAKILAN, TETAPI KERAJAAN HARUS MENINJAU PANDANGAN PARA ANGGOTA KESELURUHANNYA DAN JUGA PANDANGAN RAKYAT JELATA SEBELUM MEMBUAT SEBARANG PERUBAHAN.

DITANYA LAGI SAMA ADA KEMUNGKINAN BERLAKU +POLITIK WANG+ SEMASA KEMPEN PEMILIHAN PARTI, BELIAU MENEGASKAN PIHAKNYA SENDIRI DAN MEREKA YANG MENYEBELAHI BELIAU TIDAK MENGAMALKAN POLITIK WANG +TETAPI TIDAK TAHULAH DI PIHAK LAIN+.

KATANYA BELIAU DAN RAKAN-RAKANNYA TIDAK BERBELANJA APA-APA CUMA MENJADI ADAT ORANG-ORANG MELAYU MENJAMU DAN MERAIKAN TETAMU-TETAMU YANG MENGUNJUNGI KE RUMAH MEREKA.

MENGENAI LANGKAH KERAJAAN MENGELUARKAN DARIPADA SENARAI RAHSIA RASMI BEBERAPA DOKUMEN BERHUBUNG DENGAN DAYABUMI, PROTON SAGA DAN JAMBATAN PULAU PINANG, BELIAU MENEGASKAN IA BERTUJUAN MENGELAKKAN KEKELIRUAN DI KALANGAN RAKYAT JELATA. -- LAGI
2008MST 26 04 87

D397

B B268 AAB
MAHATHIR - KEM 3 KUALA LUMPUR R R R

BELIAU PERCAYA PENDEDAHAN DOKUMEN-DOKUMEN RAHSIA ITU TIDAK AKAN MENGUNTUNGGAN PIHAK PEMBANGKANG KERANA IA ADALAH UNTUK KEBAIKAN SEMUA PIHAK DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI JUGA TIDAK PERCAYA KEMPEN PEMILIHAN PARTI TELAH MENJEJASKAN IMEJ ATAU HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA LUAR KERANA IA ADALAH URUSAN TEMPATAN.

MENGENAI CADANGAN SUPAYA DIWUJUDKAN SEBUAH BADAN PENASIHAT UNTUK MENGAWASI PERJALANAN UMNO, BELIAU BERKATA CADANGAN ITU PERLU DIKAJI MEMANDANGKAN BELUM ADA BADAN SEUMPAMA ITU DIWUJUDKAN OLEH MANA-MANA PARTI POLITIK DI DUNIA.

KATANYA CADANGAN ITU BUNYINYA MUDAH TETAPI PELAKSANAANNYA SUKAR DIBUAT.

DITANYA SAMA ADA KEMENANGAN BEBERAPA TOKOH AGAMA SEPERTI DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, DATUK DR YUSOF NOOR DAN ENCIK ANWAR IBRAHIM MEMPERKUKUHKAN LAGI DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM, BELIAU BERKATA PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN TIDAK BANYAK BEZANYA DENGAN NILAI-NILAI UNIVERSAL. -- LAGI.
2042MST 26 04 87

B B269 AAB
MAHATHIR - KEM 4 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM KERAJAAN BUKAN BERMaksud MENYURUH ORANG BUKAN ISLAM MENUNAIKAN SEMBAHYANG LIMA WAKTU SEHARI SEMALAM ATAU MENJALANKAN AMALAN SUNAT YANG DILAKUKAN OLEH UMAT ISLAM.

BELIAU BERKATA PEMIMPIN-PEMIMPIN DALAM KERAJAANNYA BUKAN SAHAJA PAKAR DALAM ISLAM TETAPI MESTILAH BERKEBOLEHAN DALAM BIDANG-BIDANG PENTADBIRAN YANG LAIN.

MENGENAI KEMUNGKINAN DIADAKAN MUZAKARAH DENGAN PAS DENGAN SEGERA BERIKUTAN KEMENANGAN TOKOH-TOKOH ISLAM DALAM UMNO, BELIAU BERKATA MUZAKARAH TETAP AKAN DIADAKAN SAMA ADA MEREKA TERPILIH ATAU TIDAK.

MENGENAI JAWATANKUASA ETIKA PEMILIHAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SAMA ADA IA TELAH MEMAINKAN PERANAN YANG DIAMANAHKAN AKAN DINILAI DAN DIPUTUSKAN OLEH MAJLIS TERTINGGI PARTI YANG MENUBUHKAN JAWATANKUASA ITU.

DITANYA BERAPA LAMA LAGI BELIAU AKAN BERKHIDMAT KEPADA PARTI, PERDANA MENTERI MENEGASKAN BELIAU BERSEEDIA BERKHIDMAT SELAGI DIKEHENDAKI OLEH ANGGOTA PARTI DAN SELAGI ADA KEMAMPUAN.

BELIAU GEMBIRA PEMILIHAN PARTI BERAKHIR TANPA SEBARANG MASALAH DAN TIDAK TERJEJAS SEBALIKNYA AKAN BERTAMBAH KUAT SELEPAS PERSIDANGAN AGUNG INI.

-- BERNAMA.
2044MST 26 04 87